

**SOALAN NO : 18**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI**  
**TARIKH : SELASA, 6 MAC 2018**  
**RUJUKAN : L1 [PR-1361-L04725]**  
**SOALAN : 18**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci mengenai tanah-tanah DBKL yang dijual sepanjang tempoh mulai 15 Julai 2017 hingga sekarang meliputi keluasannya, lokasi, harga jualan, kegunaan sekarang, projek pembangunan yang dirancangkan ke atas setiap lot tanah dan namakan pembeli-pembelinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 15 Julai 2017 sehingga kini, sebanyak 6 lot tanah dengan keluasan keseluruhan 93.298 ekar telah ditawarkan penjualan kepada beberapa buah syarikat dengan anggaran nilai sebanyak RM 615 juta (RM 614,886,741.20). Maklumat 6 lot tanah adalah seperti berikut:

| BIL    | LOT/LOKASI  | LUAS TANAH (ekar) | HARGA JUALAN (RM) | TARIKH TAWARAN | KEADAAN SEMASA DI TAPAK              | CADANGAN PEMBANGUNAN              |
|--------|---|-------------------|-------------------|----------------|--------------------------------------|-----------------------------------|
| 1      | Lot 58601 Jln. Cheras   | 11.23             | 82,127,356.00     | 22.6.2017      | Stadium Badminton dan Kompleks Belia | Pembangunan Bercampur             |
| 2      | Lot PT 3314 Jln. Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr. Ismail  | 3.26              | 42,666,900.00     | 15.6.2017      | Dewan kecil dan kawasan lapang       | Pembangunan Bercampur             |
| 3      | Lot 53683 PT 5168, Mukim Kuala Lumpur Batu 4 ½ Jln. Klang Lama  | 1.67              | 56,930,000.00     | 11.9.2017      | Pasar Jalan Klang Lama               | Pembangunan Bercampur             |
| 4      | Lot 8039 Mukim Setapak, Taman Danau Kota  | 0.18              | 1,890,000.00      | 14.9.2017      | Kawasan terbiar                      | Tadika dan Pusat Kitar Semula     |
| 5      | Lot PT 26684, 26685, 26686, 26687, 26688, 26689, 26690, 26691, 26692, 26693 Mukim Batu, Jinjang Utara | 72.742            | 416,400,000.00    | 16.11.2017     | Rumah Panjang DBKL                   | Pembangunan Bercampur             |
| 6      | Lot PT 15358 Mukim Petaling Jln. Klang Lama   | 4.216             | 14,852,485.20     | 27.9.2017      | Pengusaha perniagaan                 | RUMAWIP dan Pembangunan Bercampur |
| JUMLAH |   | 93.298            | 614,886,741.20    |                |                                      |                                   |

Tanah-tanah ini dijual bagi dioptimumkan penggunaannya supaya dapat memberi manfaat kepada warga kota amnya dan masyarakat setempat khususnya. Antara pembangunan yang akan dibina di atas tanah-tanah ini melibatkan pembinaan perumahan rakyat (RUMAWIP), pembangunan bercampur dan pembinaan tadika dan pusat kitar semula.

Jika dilihat keadaan semasa tapak pada ketika ini, tanah-tanah yang dibangunkan dijangka dapat memberi satu imej baru kepada lokasi sedia ada dan dapat membawa nilai ekonomi yang lebih baik kepada kawasan sekitar.